

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK
[\(Klik di sini untuk versi Bahasa Inggeris\)](#)

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ("HPP") ini bersama Surat Tawaran Pembiayaan sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Mata Wang Asing Dalam Negara-i Hong Leong ("OFCF-i") daripada Hong Leong Islamic Bank Berhad ("Bank"). Pastikan juga anda membaca terma dan syarat umum bagi produk ini.

Maklumat yang diberikan hanyalah maklumat umum tentang produk yang disebutkan. Terma dan syarat yang tertera dalam HPP ini adalah tentative / indikatif dan mungkin berubah mengikut budi bicara pihak Bank. Terma dan syarat di dalam HPP ini wajar dibaca bersama dengan terma dan syarat akhir di dalam surat tawaran perjanjian pembiayaan, iaitu terma dan syarat yang dikenakan oleh pihak Bank selepas penilaian kredit dan kelulusan dibuat.

Sila dapatkan penjelasan dari pihak Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umumnya.



Hong Leong
Pembiayaan Mata Wang Asing Dalam
Negara-i (OFCF-i)

November 2023

1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang produk ini?

Pembiayaan Mata Wang Asing Dalam Negara-i (OFCF-i) adalah kemudahan perdagangan Islamik (dalam mata wang asing) berasaskan prinsip Syariah (yang diluluskan oleh pihak Bank) untuk membiayai pengimportan barangan (termasuklah barangan modal seperti loji dan mesin) untuk tujuan perdagangan, pengeksportan barangan, pembelian tempatan (bagi pembelian tempatan semata* /tujuan eksport), penjualan tempatan (bagi penjualan tempatan semata* /di mana pelanggan mempunyai keperluan import atau pembayaran dalam mata wang asing) dan pembiayaan tempatan* /asing untuk perkhidmatan dan/atau perbelanjaan operasi daripada/ kepada pembekal/ pembeli yang diluluskan yang berkaitan dengan perniagaan utama Pelanggan atau pihak ketiga yang diberi kuasa oleh Pelanggan (tertakluk kepada persetujuan Bank).

OFCF-i hanya boleh digunakan untuk membiayai barangan/ perkhidmatan yang patuh Syariah dan tidak boleh diberikan kepada Pelanggan yang terlibat dengan sebarang perniagaan/ pekhidmatan /aktiviti yang tidak patuh Syariah.

**Bagi pembiayaan pembelian tempatan semata, penjualan tempatan semata dan perkhidmatan servis dan/atau perbelanjaan operasi tempatan, mesti dilengkapi dengan kemudahan Tukaran Asing Islamik ("FEC-i").*

2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan?

Kontrak Syariah yang digunakan untuk OFCF-i ini adalah melalui susunan Tawarruq yang merujuk kepada dua (2) kontrak, iaitu, jualan dan belian. Yang pertama melibatkan penjualan aset (komoditi) oleh Bank kepada Pelanggan dengan harga tertanggung. Seterusnya diikuti pula dengan penjualan aset (komoditi) yang sama oleh Pelanggan kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai.

Berikut adalah mekanisma bagi OFCF-i:

1. Pihak Bank membeli komoditi* (yang digunakan sebagai aset pendasar) (dengan nilai bersamaan dengan jumlah pembiayaan) daripada pembekal komoditi secara lani ("on spot") sebagai prinsipal (sekarang Bank adalah pemilik komoditi).
2. Pelanggan melantik pihak Bank sebagai ejen (wakil) untuk membeli komoditi dan juga melantik pihak Bank sebagai ejen untuk menjual komoditi tersebut.
3. Bank menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan pada harga kos beserta keuntungan (Murabahah) (iaitu nilai yang bersamaan dengan harga jualan) dengan dasar bayaran tertanggung (ansuran). Dengan pembelian tersebut, Pelanggan sekarang menjadi pemilik kepada komoditi. Murabahah bermaksud jualan dan belian sesuatu aset dimana kos pemerolehan dan tambah nilainya (untung) didedahkan kepada Pelanggan.
4. Sebagai pemilik komoditi, Pelanggan boleh memilih untuk:
(a) menerima penghantaran secara fizikal / hak milik di atas perbelanjaannya sendiri; atau
(b) menjual komoditi tersebut secara tunai kepada pihak ketiga;
5. Sekiranya Pelanggan memilih (b) seperti di atas, pihak Bank (sebagai ejen kepada Pelanggan) akan menjual komoditi tersebut (pada nilai bersamaan dengan jumlah pembiayaan) kepada pihak ketiga secara lani (spot) untuk mendapatkan tunai.
6. Bank menyerahkan hasil jualan (jumlah pembiayaan) kepada Pelanggan.
7. Pelanggan membayar kepada Bank dengan bayaran tertanggung (pembayaran penuh) pada tarikh matang kemudahan.

**Komoditi :-*

- (a). Komoditi adalah dalam bentuk Platinum atau apa-apa komoditi yang patuh Syariah yang akan didagangkan bagi mendapatkan tunai untuk Pembiayaan. Komoditi yang digunakan mestilah diterima oleh pihak-pihak yang terlibat dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
- (b). Perdagangan komoditi dijalankan melalui platform perdagangan pelbagai komoditi yang boleh melaksanakan transaksi Tawarruq untuk produk pembiayaan perdagangan Islam dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- a) Kemudahan Pembiayaan Mata Wang Asing Dalam Negara

Item	Deskripsi
Amaun Kemudahan	RM < Jumlah Amaun Pembiayaan >
Margin Pembiayaan (Tebaran)	< ____ > % setahun

- b) Peluang pembiayaan alternatif dalam mata wang asing pada kadar keuntungan yang kompetitif.
- c) Meningkatkan aliran tunai untuk pengurusan tunai dan pengembangan perniagaan yang lebih baik.
- d) Pengeksport mempunyai kelebihan dari segi perlindungan risiko nilai kadar pertukaran.
- e) Tempoh minimum pembiayaan ialah 14 hari dan tempoh maksimumnya tidak boleh melebihi tempoh pembiayaan yang diluluskan oleh bank dan tertakluk kepada tempoh maksimum 180 hari.
- f) Pembiayaan untuk pembelian import/ tempatan secara "usance" (bayaran pada tarikh akan datang), agregat tempoh maksimum pembiayaan termasuk tempoh kredit tidak boleh melebihi tempoh "usance" yang disebutkan di atas.
- g) Bagi pembiayaan penjualan eksport/ tempatan, agregat tempoh maksimum pembiayaan adalah berdasarkan tempoh kredit dalam invoice atau tempoh pembiayaan yang diluluskan oleh Bank, tertakluk kepada tempoh mana yang lebih pendek.
- h) Pembiayaan OFCF-i adalah berdasarkan pengemukaan dokumen sokongan pembelian import / eksport / pembelian tempatan (bagi pembelian tempatan semata / tujuan eksport) / penjualan tempatan (bagi penjualan tempatan semata / di mana pelanggan mempunyai keperluan import atau pembayaran dalam mata wang asing) dan perkhidmatan dan / atau perbelanjaan operasi. Amaun minimum pembiayaan yang ditetapkan ialah USD50,000 atau nilai setara.

4. Apakah kewajipan saya?

- a) Dokumen yang dikemukakan kepada pihak Bank untuk menyokong pembiayaan mesti berkaitan dengan urusan niaga perdagangan sah dan terkini.
- b) Menyerahkan kepada pihak Bank bukti dalam bentuk dokumen yang memuatkan tentang transaksi perdagangan tersebut (contohnya, invoice asal, dokumen pengangkutan dan lain-lain.) seperti mana yang dikehendaki oleh pihak Bank.
- c) Anda belum mempunyai dan tidak boleh mendapatkan sebarang sumber pembiayaan lain bagi transaksi perdagangan tersebut, termasuk pembiayaan di bawah pajakan, sewa beli atau perjanjian pemfaktoran.
- d) Anda membenarkan pihak Bank untuk mendebit akaun anda di Bank untuk bayaran sebarang caj, keuntungan, kos atau perbelanjaan yang berkaitan dengan pembiayaan dan pembayaran untuk OFCF-i ini.
- e) Apakah masa terakhir untuk mematuhi prosedur pengeluaran OFCF-i?

PRODUK PERDAGANGAN	MASA TERAKHIR
Pembiayaan OFCF-i (RENTAS)	11 pagi
Pembiayaan OFCF-i (Bukan RENTAS) <i>*(Pembiayaan mata wang asing tertakluk kepada masa terakhir untuk setiap mata wang. Sila rujuk kepada Pusat Perkhidmatan Perdagangan untuk maklumat lanjut tentang masa terakhir bagi setiap matawang)</i>	12 tengahari*

- f) Harga jualan mesti dibayar sepenuhnya pada tarikh matang untuk setiap pembiayaan.

- g) **Pengiraan Kadar Keuntungan OFCF-i :**

Kadar Untung* (Kadar Semua Sekali (AIR)) = FCY Islamic Cost Of Fund (FCY ICOF) + Tebaran [_% setahun]

***Nota:** Kadar Keuntungan akan ditetapkan bagi setiap pengeluaran untuk tempoh pembiayaan yang dipersetujui dan mesti dibayar secara penuh pada tarikh matang.

h) Pengiraan Keuntungan:

$$Pr = \frac{P * r * t}{36000}$$

Dimana:

Pr = Untung
 P = Harga Jualan/ Nilai Invois
 r = Kadar untung dalam peratusan setahun
 t = Tempoh/Jumlah baki hari pembiayaan sehingga tarikh matang

Nota:

Asas tahunan tertakluk kepada jenis mata wang, contohnya 360 hari untuk USD.

i) Pengiraan Nilai Pembiayaan (Harga Kos)

$$FA = P \left(1 - \frac{(r * t)}{36000} \right)$$

Dimana:

P = Harga Jualan/ Nilai Invois
 FA = Nilai Pembiayaan/Harga Kos
 r = Kadar Untung
 t = Tempoh/Jumlah baki hari pembiayaan sehingga tarikh matang

j) Contoh pengiraan untuk Nilai Pembiayaan, Untung dan Harga Jualan.

Contoh: Invois bernilai USD100,000 dibiaya di bawah OFCF-i selama 90 hari dengan FCY ICOF yang dicaj pada 2.5% setahun, ditambah dgn tebaran pada 3% setahun, berdasarkan formula di atas, Nilai Pembiayaan adalah dikira seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Nilai Pembiayaan} &= \text{USD } 100,000 \left[1 - \frac{5.50 * 90}{36000} \right] \\ &= \text{USD } 98,625.00 \end{aligned}$$

Nota:

OCF-i Nilai Invois/ Harga Jualan Murabahah : USD 100,000
 Kemudahan/ Nilai Pembiayaan/ Harga Kos : USD98,625.00
 Untung : $\frac{\text{USD}100,000 * 5.5 * 90}{36000}$

= USD1,375.00

5. Apakah caj lain yang perlu dibayar?

Untuk maklumat berkenaan fi dan caj, anda boleh layari laman sesawang fi dan caj Bank di:

<https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/trade-service-i.html>

6. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

<p>Bil Lampau Tempoh</p>	<p>Sekiranya Pelanggan gagal melangsaikan bayaran bil OFCF-i pada tarikh matang sehingga tamat hari perbankan pada hari tersebut, ianya akan dikira sebagai sudah melampau tempoh (past due).</p> <p>OCF-i lampau tempoh adalah dalam mata wang asing, dan ianya hanya akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia sekiranya arahan diterima dari pihak Pelanggan atau pihak pengurusan Bank yang berkenaan. Pertukaran itu adalah tertakluk kepada kadar pertukaran semasa yang dinyatakan oleh pihak Bank dan dipersetujui oleh Pelanggan pada hari pertukaran.</p> <p>Kemudahan OFCF-i dan Kemudahan Perdagangan yang lain akan digantung serta-merta.</p>
<p>Caj Pampasan bagi Bayaran Lewat (Ta'widh)</p>	<p>a) Bagi kegagalan mana-mana pembayaran melebihi tempoh Kemudahan = Kadar Pasaran Wang antara Bank-Bank Perbankan Islam ("IIMM") ke atas jumlah baki tertunggak (baki prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru).</p> <p>b) Bagi kegagalan pembayaran kemudahan selepas mahkamah mengeluarkan penghakiman keatas Pelanggan = Kadar IIMM ke atas jumlah penghakiman.</p> <p>Nota:</p> <p>(i) Caj-caj pampasan tidak boleh ditambah kepada jumlah prinsipal tertunggak dan tidak boleh lebih daripada prinsipal tertunggak.</p> <p>(ii) Kaedah dan kadar caj-caj pampasan adalah tertakluk kepada perubahan yang ditentukan oleh BNM.</p> <p>Caj-caj pampasan dikira secara harian dari tarikh matang / tarikh penghakiman.</p>

Hak Penolakan	Pihak Bank boleh menolak selesai baki kredit yang terdapat di dalam akaun deposit anda di Bank bagi menjelaskan baki tertunggak dengan syarat notis bertulis telah diberi tujuh (7) hari terdahulu kepada anda oleh pihak Bank untuk penolakan selesai tersebut.
Hak untuk Memulakan Proses Pengambilan Semula dan Tindakan Undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> • Tindakan undang-undang akan dikenakan jika anda gagal untuk memberikan respons kepada notis peringatan. • Aset anda mungkin dirampas dan segala kos terlibat akan ditanggung oleh pihak pelanggan. Sekiranya hasil penjualan aset tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah yang tertunggak dan terhutang, pelanggan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan tersebut. • Pihak Bank boleh memulakan aktiviti pengutipan (termasuk menggunakan agensi pengutipan hutang), perampasan dan prosiding muflis. <p>Nota: Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan menjejaskan tahap penarafan kredit anda dan boleh mengakibatkan kelulusan permohonan mana-mana kemudahan kredit lebih sukar dan/atau Pelanggan mungkin perlu membayar kadar pembiayaan yang lebih mahal.</p>

7. Apakah yang akan berlaku jika saya menjelaskan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

- a) Permintaan untuk penyelesaian awal adalah dibenarkan dengan syarat penyelesaian awal tersebut dibuat secara penuh. Rebat (*Ibra*) akan diberikan untuk penyelesaian awal secara penuh. Rebat (*Ibra*) akan diberikan kepada bahagian keuntungan yang tidak terakru selepas menolak caj penyelesaian, sekiranya ada. Formula rebat (*Ibra*) adalah seperti berikut:
- Rebat (Ibra) hasil langsaian pembiayaan awal = Baki Tidak Diterima – Caj Langsaian Awal*
- Tiada caj penyelesaian awal akan dikenakan untuk penyelesaian awal OFCF-i.
- b) Tiada rebat (*Ibra*) untuk penyelesaian OFCF-i pada atau selepas tarikh matang.
- c) Penyelesaian awal secara sebahagian adalah tidak dibenarkan.

8. Adakah saya perlu mengambil perlindungan takaful?

Perlindungan takaful yang berikut dicadangkan untuk diambil daripada panel takaful Bank:

- Perlindungan takaful yang seumpamanya untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal atas Pelanggan atau orang utama dalam syarikat (jika berkenaan).
- Takaful ke atas barangan (jika berkenaan).

9. Apakah risiko utama?

Sekiranya anda gagal untuk menjelaskan pembiayaan OFCF-i pada tarikh matang, bil OFCF-i akan bertukar kepada bil lampau tempoh (past due), dan anda tidak dibenar untuk terus menggunakan (Bank akan menggantung) kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada anda.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan maklumat dalam butiran peribadi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, sila hubungi kami di +603-76268899 atau kunjungi mana-mana cawangan/ pusat perniagaan kami di seluruh negara.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Islamic Bank Berhad, Commercial & SME Banking

Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damansara, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
 No. Telefon : +603-7661 7777
 E-mel : sme@hlbb.hongleong.com.my
 Laman Sesawang : www.hlisb.com.my

- Untuk pilihan lain, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan daripada pihak-pihak dibawah:

- a) **Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP)**, yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama antara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS atau SME) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan. Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC

Alamat : Pegawai Penasihat KNP dimana-mana cawangan diseluruh negara.
Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman web CGC di <https://www.cgc.com.my/cgc-branches>.
No. Telefon : 03- 7880 0088
E-Mel : myknp@cgc.com.my
Laman Sesawang : <https://www.bnm.gov.my/MyKNP>

- b) **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmatan penstrukturan pembiayaan, pendidikan kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga PKS atau SME. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Alamat : Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.
No. Telefon : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman Sesawang : <https://www.akpk.org.my/smehelpdesk>

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh hubungi kami di:

Advokasi Pelanggan

Alamat : Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
No. Telefon : 03-76268801 / 03-76268802 / 03-76268812
E-mel : customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK or BNMLINK

Alamat : Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
No. Telefon : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
Laman sesawang : <https://bnmlink.bnm.gov.my>

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang OFCF-i, sila kunjungi mana-mana pusat perniagaan kami di seluruh negara atau anda boleh melayari laman sesawang kami di www.hlisb.com.my.

13. Perkhidmatan Perdagangan Perniagaan-i yang juga ditawarkan

- Surat Kredit-i (LC-i)
- Resit Amanah-i (TR-i)
- Bil Boleh Terima-i Jualan / Belian (AB-i)
- Jaminan Bank-i (BG-i)
- Jaminan Penghantaran-i (SG-i)
- Pembiayaan Invois-i (IVF-i)
- Perkhidmatan Pungutan-i (IBC-i / OBC-i)

NOTIS PENTING

BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN MERAMPAS ASET YANG DIBIAYAI OLEH / DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK, JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT BAYARAN

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada November 2023.